



**MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU  
JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN**

**KENYATAAN TAWARAN MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU**

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat atau pemborong-pemborong yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** kod **080101 Kelengkapan/Kemudahan Awam (kecuali kelengkapan kemudahan permainan/sukan)** dan tajuk masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja bekalan seperti berikut :-

|   |   |
|---|---|
| <b>NO<br/>SEBUTHARGA<br/>MBKT<br/>SH37/2022</b> | <b><i>TAWARAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR TONG SAMPAH JENIS MOBILE GARBAGE BIN (MGB) BAGI MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU. (TAWARAN SEMULA)</i></b> |
|---|---|

**SYARAT-SYARAT MEMASUKI TAWARAN**

1. Dokumen Sebutharga boleh didapati semasa waktu pejabat **di Jabatan Kesihatan Persekitaran , Tingkat 6**, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu dengan harga **RM 30.00 ( Tunai, Wang pos atau bank draf sahaja)**. Untuk maksud ini wakil-wakil syarikat hendaklah membawa bersama-sama Sijil Pendaftaran Asal Kementerian Kewangan Malaysia dan **satu salinannya** hendaklah dibawa bersama semasa mengambil **Dokumen Sebutharga**. **Bagi bukan penama yang berdaftar dalam sijil pendaftaran, perlu mengemukakan surat wakil kuasa daripada syarikat bagi tujuan pembelian dokumen tawaran.**
2. Satu salinan **Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia** dan Rekod Pengalaman Kerja (Pembekalan) dalam bidang berkaitan hendaklah dikembalikan bersama sebutharga di dalam sampul surat dan dihantar ke alamat:

**DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA  
KUALA TERENGGANU**

dengan menulis disebelah luar “ **No. Sebutharga seperti contoh MBKT SH. 37 /2022** ” dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan , Tingkat 1, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu tidak lewat daripada **12.00 tengahari** pada **18 April 2022 (Isnin)**.

3. Majlis adalah tidak terikat untuk menerima tawaran yang rendah sekali ataupun mana-mana tawaran.
4. Sebutharga ini akan dijual mulai **6 April 2022 (Rabu) hingga 14 April 2022 (Khamis)** pada waktu pejabat sahaja.

**Bil ( ) dlm. MBKT. 13/2-17**

5. Syarikat atau pemborong yang berjaya tetapi enggan menjalankan kerja-kerja ini selepas sebutharga disetujuterima atau menarik balik sebutharga selepas keputusan dibuat maka lesen syarikat atau pemborong boleh digantung.
6. Syarikat atau pemborong hendaklah sentiasa mengambil perhatian dan mematuhi langkah-langkah dan *Standard Operation Prosedure* (SOP) pencegahan COVID-19 dan penjarakkan sosial yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia.

*t.t*

**( Haji Rozali Bin Salleh )**

Datuk Bandar,  
Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.